



GEREJA KRISTUS LIKAS

Mengenal dan Memperkenalkan Kristus

Bisyp: Bisyp Datuk Meller Jiki Tais

Rektor: Archdekan Moses Chin



Hubung

P.O. Box 18510, Pejabat Pos Besar Kota Kinabalu,
88670 Kota Kinabalu, Sabah

Pejabat: 088-426312, 213220 | Mudah alih: 019-6611558

<http://christchurchlikas.org/> | cclikas@gmail.com

Trinit 19 - 6 Oktober 2024

Doa Hari Ini

Allah Mahakuasa, Anak-Mu membuka bagi kami jalan yang baru dan yang hidup ke dalam hadirat-mu. Berilah kami hati yang suci dan kehendak yang teguh supaya menyembah Engkau dalam roh dan kebenaran, melalui Yesus Kristus Tuhan kami. Amin.

Injil - Markus 10:2-16

Pembacaan Berbalas-balas -
Yakobus 2:14-26



**iman tanpa perbuatan-
perbuatan adalah mati** - *Yakobus 2:26*

Adakah perbuatan kita mencerminkan iman kita?

Kebaktian BM disiarkan **secara langsung, 11:30 pagi.:**

- YouTube: <https://www.youtube.com/>

[@christchurchlikas/streams](https://www.youtube.com/@christchurchlikas/streams)

Selamat datang ke dalam perkumpulan umat Tuhan.
Kita bersama-sama beribadah kepada Tuhan Yesus yang telah pun bangkit, dan mendorong satu sama lain untuk mentaati-Nya.

1. SELAMAT DATANG

Selamat datang ke kebaktian pagi ini. Kami juga menyambut anda yang mengikuti kami secara dalam talian.


Rektor kita sedang bercuti sabbatical sepanjang bulan Oktober dan November. Semasa ketiadaannya, Rev. Samuel, Ps. Margaret dan PCC akan mengambil alih kepimpinan pastoral dan pentadbiran gereja. Sila rujuk kepada mereka. Berdoa untuk Rektor kita, dan Lorraine, agar mereka disegarkan dan diperbaharui untuk tugas seterusnya.

2. 'LATIH IMAN KITA'

Apakah keagamaan yang benar? Bagaimanakah kita mengamalkan iman kita? Kita teruskan siri khutbah dari Kitab Yakobus. Kitab yang singkat ini penuh dengan nasihat kepada para pengikut Yesus untuk mengamalkan iman kepercayaan mereka. "Menjadi pelaku firman, dan bukan hanya pendengar saja, sebab jika tidak demikian kamu menipu diri sendiri" - 1:22. Topik untuk beberapa minggu akan datang:

- hari ini, 6 Okt: 'Berpraktikallah' - Yakobus 2:14-26
- 13 Okt: 'Berilah Semangat' - Yakobus 3:1-18
- 20 Okt: 'Berdamailah' - Yakobus 4:1-12
- 27 Okt: 'Bersikaplah Rendah Hati' - Yakobus 4:13-5:6

Mulakan membaca Kitab Yakobus; dan nikmatilah mendengar suara Tuhan.



3. RIBUAN TERIMA KASIH


Para belia kita mengucapkan 'terima kasih banyak' atas sokongan kewangan anda sebanyak RM2,600/- yang dapat membantu mereka menyertai Konferensi Belia BM, di Kudat.



4. KONFERENSI-KONFERENSI DIOSIS

- 30 Okt-1 Nov, Katedral All Saints - **Konferensi Pemimpin BC & BI.**
Menyeru semua paderi, pastor, pemimpin awam dan pemimpin


pelayanan lain, untuk diperlengkapkan lagi demi untuk melayani dalam pelbagai pelayanan. Bisyop Stephen Soh, Diosis Malaysia Barat, adalah fasilitator utama.



- 30-31 Okt, Christ Church Likas - **Konferensi Pendidikan**. Menyeru semua guru, pendidik, ahli lembaga sekolah, dan paderi kita untuk datang dan mendapatkan inspirasi untuk menjadi 'misionari' kepada generasi pelajar yang akan datang. Nota keterangan ada dipaparkan pada papan informasi.

5. PERAYAAN KE-110 TAHUN SEKOLAH ST. AGNES

Sungguh suatu pencapaian hebat!! Kita bersyukur kepada Tuhan kerana kesetiaan-Nya selama lebih dari satu abad ke atas sekolah ini. Makan Malam Kesyukuran akan diadakan pada 19 Okt nanti.



6. PELAYANAN-PELAYANAN LAIN

- **Tadika ASAA** dibuka untuk pendaftaran bagi kanak-kanak berumur 4-5 tahun pada tahun 2025. Butiran di papan informasi.
- **Gubahan bunga** untuk hari ini disumbangkan oleh Vera Liew dan keluarga.



7. KASIHILAH MANGSA KEBAKARAN DI PENANGAH

Insiden kebakaran di Penangah baru-baru ini telah menjejaskan banyak keluarga, termasuk anggota-anggota gereja Anglikan. Jika anda ingin menyumbang, boleh salurkan sama ada melalui sampul kebajikan atau secara dalam talian, dengan pernyataan 'KEBAKARAN'.

8. PROJEK LABUR - *thank-you!!*

Terkini: RM134,695/- Minggu Lepas: RM555/- Masih Diperlukan: RM465,305/-

UNTUK PEMBERIAN DALAM TALIAN
RHB Bank | 2-10103-0001913-1
Christ Church Likas

Boost: <https://myboost.app.link/FPvG94VIT4>



Latih Iman Kita - Yakobus 2:14-26

Berpraktikallah

Dua macam iman:

1. **MATI tanpa perbuatan – Yakobus 2:14-19**

- keyakinan kosong (akal sahaja) - Yak 2:15-16
- keyakinan iblis (akal dan emosi sahaja) - Yak 2:19

2. **HIDUP dengan perbuatan – Yakobus 2:20-26**

(hati nurani, perasaan, pancaindera)

- berdasarkan Firman Tuhan - Yak 2:21, 23, 25
- dinyatakan oleh buahnya - Yak 2:22, 24

Yakobus 2:26 "*Sebab seperti tubuh tanpa roh adalah mati, demikian jugalah iman tanpa perbuatan-perbuatan adalah mati.*"

Untuk renungan & perbincangan:

1. Apakah reaksi anda apabila orang memerlukan bantuan anda?
2. Ungkapan "Saya akan berdoa untuk anda" kadang-kadang boleh dilupakan? Bagaimanakah anda dapat memastikan untuk berdoa bagi orang yang anda katakan akan anda doakan?
3. Adakah anda mempunyai keinginan untuk berkongsi Kristus dengan orang lain? Atau adakah anda malu dengan-Nya?
4. Adakah anda menikmati persekutuan bersama umat Tuhan? Adakah ibadah itu menggembirakan anda?
5. Bagaimanakah anda boleh mempraktikkan iman anda dengan lebih baik?

UNTUK DIDOAKAN

Dunia kita yang tercinta

- berdoa untuk pemimpin-pemimpin dunia
[agar pemimpin-pemimpin Kristian membawa keamanan kepada dunia]

Negara kita yang dikasihi

- berdoa untuk pemimpin-pemimpin negara
[agar kebaikan dan kebijaksanaan Allah hadir ke atas para pemimpin supaya mereka boleh membawa berkat kepada Malaysia]

Diri kita sendiri

- berdoa untuk penerapan Firman Tuhan dalam kehidupan kita
[agar hidup kita boleh menjadi saksi dan teladan sebagai orang yang beriman]

- berdoa untuk mereka yang dalam keperluan khusus, baik minda atau rohani; dan untuk 5 sahabat kita. Namakan mereka dalam doa anda.